

Bahagian II
PERBADANAN

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang dinamakan 'Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak' yang turun temurun dan boleh mendakwa dan didakwa.
(2) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meteri dan boleh dari semasa ke semasa menukar, mengubah atau membaharui meteri tersebut sebagaimana yang difikirkan patut, dan sehingga suatu meteri diadakan di bawah seksyen ini suatu cap yang mengandungi tulisan 'Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak' boleh digunakan sebagai meteri.
(3) Meteri atau cap Perbadanan itu hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.
4. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripad ahli-ahlinya yang berikut:
 - a. seorang Pengerusi;
 - b. seorang Timbalan Pengerusi;
 - c. seorang Wakil dari Persatuan Perpustakaan Malaysia;
 - d. seorang Wakil dari Perpustakaan Negara;
 - e. dua orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar untuk mewakili Persatuan-persatuan Kesusastraan atau Kebudayaan yang berdaftar;
 - f. Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Pegawai Pelajaran atau wakil-wakil mereka;
 - g. empat orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar;
 - h. empat orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar, untuk mewakili pihak berkuasa Kerajaan Tempatan.
(2) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dan hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama dua tahun melainkan jika perlantikkannya terlebih dahulu dibatalkan atau dikosongkan atau ianya terlebih dahulu meletakkan jawatan.
(3) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan-perenggan (e) dan (g) seksyen-kecil (1) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama dua tahun melainkan jika perlantikkannya terlebih dahulu dibatalkan atau dikosongkan atau ianya terlebih dahulu meletakkan jawatan.
(4) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan (h) seksyen-kecil (1) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama satu tahun melainkan jika perlantikkannya terlebih dahulu dibatalkan atau dikosongkan atau ianya terlebih dahulu meletakkan jawatan.
(5) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (1) boleh dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya.
(6) Semasa Pengerusi tidak ada, Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai semua kuasa-kuasa Pengerusi.
(7) Semasa Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak berada kerana sakit atau apa-apa jua sebab lain, atau semasa Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak ada dalam negeri, Menteri Besar boleh melantik seseorang untuk menjadi Pengerusi sementara yang mempunyai semua kuasa-kuasa Pengerusi.
(8) Apa-apa kekosongan boleh diisi oleh seseorang yang dilantik oleh Menteri Besar:

Dengan syarat bahawa ahli-ahli yang dilantik untuk mengisi jawatan ahli-ahli di perenggan-perenggan (e), (g) dan (h) hendaklah dari kategori orang-orang yang sama seperti yang tersebut di dalam perenggan-perenggan itu.

5. (1) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik di atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri Besar.

(2) Maka bolehlah dibayar kepada ahli-ahli Perbadanan apa-apa elaun perjalanan atau lain-lain elaun berkaitan dengan kehadiran di mesyuarat-mesyuarat Perbadanan atau menjalankan apa-apa tugas Perbadanan.
6. (1) Perbadanan hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam sesuatu tahun kewangan.

(2) Mesyuarat-mesyuarat Perbadanan hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi boleh pada bila-bila masa memanggil suatu mesyuarat Perbadanan dan hendaklah di atas permintaan bertulis daripada tidak kurang dari lapan orang ahli memanggil suatu mesyuarat khas dalam masa sebulan dari tarikh permintaan tersebut.

(4) Minit-minit bagi tiap-tiap satu mesyuarat Perbadanan hendaklah disimpan dan minit-minit tersebut hendaklah disahkan dan ditandatangani di mesyuarat yang berikut selepas itu oleh Pengerusi.

(5) Perbadanan boleh menjemput seorang atau beberapa orang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Perbadanan yang tertentu bagi maksud membantu atau menasihat Perbadanan tetapi orang-orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi
7. (1) Quorum di semua mesyuarat Perbadanan ialah lapan orang.

(2) Jika mengenai apa-apa soal untuk ditentukan oleh Perbadanan undinya sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus selain daripada undi asalnya.